

KWAP positif cadangan penswastasaan FGV

UM 13/1

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 JAN.

KUMPULAN Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) menyifatkan cadangan penswastasaan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) sebagai baik.

Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Datuk Kamaruzaman Wan Ahmad berkata, ini kerana dengan penswastasaan FGV boleh membuat pestruktur-an seperti yang diperlukan supaya syarikat perladangan itu kembali mencatat keuntungan.

Beliau berkata, sebagai satu daripada pemegang saham FGV, pihaknya melihat cadangan penswastasaan itu bergantung kepada harga yang ditawarkan sama ada merugikan atau menguntungkan.

Selain itu katanya, cadangan itu mestilah mempunyai sebab yang kukuh untuk membolehkannya dilaksanakan.

Tetapi sebagai satu daripada entiti bersekutu, saya melihat langkah ini mungkin satu cadangan yang baik. Ini kerana dengan menswastakan FGV, ia boleh membuat penstruktur-an seperti yang diperlukan supaya syarikat perladangan ini kembali mencatat untung."

WAN KAMARUZAMAN WAN AHMAD
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan



"Sebagai satu daripada entiti bersekutu, saya melihat langkah ini mungkin satu cadangan yang baik.

"Ini kerana, dengan menswastakan FGV, ia boleh membuat penstruktur-an seperti yang diperlukan supaya syarikat perladangan ini kembali mencatat untung," katanya selepas Forum Dana Antarabangsa 2017 di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Seri Muham-

mad Ibrahim dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Tan Sri Ranjit Ajit Singh

Minggu lalu, Pengerusi Felda yang baru dilantik, Tan Sri Shahrir Samad dilaporkan tidak menolak kemungkinan mempertimbangkan pilihan

untuk menyahsenarai FGV tetapi akan mengambil kira semua aspek dan risiko terlebih dahulu.

Difahamkan, cadangan untuk menswastakan FGV dibuat menerusi analisis sebuah entiti

dikenali sebagai Felda Lab yang menganalisis operasi perniagaan FGV sejak beberapa bulan lalu.

Inisiatif Felda Lab diterajui oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Zakaria Arshad dilaporkan berkata, beliau belum menerima sebarang komunikasi secara rasmi dengan Felda dan sebarang cadangan yang dibuat perlu mematuhi keperluan Bursa Malaysia serta melalui Lembaga Pengarah FGV.

Dalam pada itu, ditanya sama ada KWAP mahu meningkatkan atau mengekalkan pegangannya dalam FGV, Wan Kamaruzaman berkata, ia bergantung kepada prospek syarikat tersebut.

Beliau juga memberitahu, belum ada sebarang perbincangan dengan Felda berhubung perkara itu kerana ia masih di peringkat awal.

Berdasarkan laporan tahunan 2015 FGV, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) memiliki pegangan 20.01 peratus dalam syarikat perladangan itu. Ini diikuti oleh Felda Asset Holdings Company Sdn. Bhd. sebanyak 13.66 peratus, Lembaga Tabung Haji (7.79 peratus), Koperasi Permodalan Felda (5.8 peratus), KWAP (5.09 peratus) dan Kerajaan Negeri Pahang (lima peratus).



KWAP
Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan
RETIREMENT FUND INCORPORATED